


**SEJARAH REAKSI DAN TINDAK BALAS  
BRITISH TERHADAP KEGIATAN PERISIKAN  
JEPUN DI BORNEO UTARA SEBELUM  
PERANG DUNIA KEDUA (1884-1941)**

**SUBRAMANIAM A/L RAMAN**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**

**SEJARAH REAKSI DAN TINDAK BALAS  
BRITISH TERHADAP KEGIATAN PERISIKAN  
JEPUN DI BORNEO UTARA SEBELUM  
PERANG DUNIA KEDUA(1884-1941)**

**SUBRAMANIAM A/L RAMAN**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA SASTERA**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**

### UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

#### BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

IJAZAH : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

**Catatan:**

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## PENGAKUAN

Karya ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Mei 2009

---

Subramaniam a/l Raman  
PS03-003-009



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN


NAMA : **SUBRAMANIAM A/L RAMAN**

NO MATRIKS : **PSO3-003-009**

TAJUK : **SEJARAH KEGIATAN PERISIKAN  
DAN TINDAK BALAS BRITISH DI  
BORNEO UTARA SEBELUM PERANG  
DUNIA KEDUA (1884-1941)**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

TARIKH VIVA : **20 Februari 2009**



**DISAHKAN OLEH**

**1. PENYELIA**

Prof. Dr Sabihah Bt Osman

.....

**2. PENYELIA BERSAMA**

En. Baszley Bee B. Basrah Bee

.....

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Aum Namashivya. Syukur kepada Tuhan yang disanjung kerana dengan izin-Nya saya telah berjaya menyiapkan tesis ini. Penghasilan tesis ini tidak akan berjaya tanpa bantuan, kerjasama dan sokongan pelbagai pihak. Untuk mereka saya ucapkan jutaan terima kasih dan "hutang emas boleh dibayar, hutang budi di bawa mati".

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Prof Dr.Sabihah Osman yang merupakan penyelia saya yang telah memberi banyak teguran, nasihat, pandangan dan bimbingan dalam menghasilkan tesis ini mengikut garis panduan yang tepat dan sempurna. Terima kasih Prof.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia kedua saya iaitu, En Bazlee Bee yang banyak memberi nasihat, bimbingan, pandangan serta keyakinan kepada saya dalam perjuangan menghasilkan tesis ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu yang banyak membantu dalam mencari fail-fail dan juga dokumen. Terima kasih khas kepada Penolong Pengarah Arkib Negeri Sabah yang memberi kebenaran khas dalam usaha mencari maklumat. Di samping itu terima kasih juga kepada kakitangan Arkib Negara, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan Perpustakaan Negeri Sabah dan semua yang terlibat dalam usaha mengumpul maklumat untuk menyiapkan tesis ini.

Terima kasih teristimewa kepada isteri, Kanagavalli yang dikasihi yang menjadi tulang belakang saya, kakak, Sella dan Puga, adik, Punnia dan Bala, serta Prema dan Kamala. Jasa kalian tidak akan saya lupakan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada ipar Logeni Dewi.

Akhir sekali ucapan khas kepada Dr. Arjunan (UKM), Dr Danny Wong (UM), bekas pelajar saya Roshidah, Afseh dan Fandy, rakan-rakan seperjuangan, En Mohd Saffie Abdul Rahim yang banyak memberi tunjuk ajar serta sesiapa yang tidak sempat saya sebut, jasa anda semua tidak akan saya lupakan. Terima Kasih untuk segalanya.

Aum.

Subramaniam Raman  
11 Mei 2009

## **ABSTRAK**

### **SEJARAH REAKSI DAN TINDAKBALAS BRITISH TERHADAP KEGIATAN PERISIKAN JEPUN DI BORNEO UTARA SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA(1884-1941)**

Tesis ini mengkaji tentang kegiatan risikan orang Jepun dan reaksi British terhadap kegiatan perisikan Jepun di Borneo Utara sebelum teretusnya Perang Dunia Kedua. Kajian ini bermula dari tahun 1884 sehingga tahun 1941. Dalam siri penghijrahan orang Jepun ke Borneo Utara untuk tujuan ekonomi. Pada tahun-tahun awal pentadbiran SBBU, memerlukan modal dan tenaga kerja untuk memajukan Borneo Utara. Keadaan ini telah memberi peluang kepada orang Jepun untuk datang ke Borneo Utara untuk melabur dan menjalankan kegiatan ekonomi. Negara Jepun mempunyai cita-cita tersendiri iaitu menjadi satu kuasa dunia yang disegani serta berjaya dalam ekonomi. Dalam memajukan ekonomi, mereka juga mewujudkan angkatan tentera yang hebat di samping, menjalankan kegiatan ekonomi mereka menjadi perisik kepada Kerajaan Jepun dan menyalurkan maklumat mengenai penjajah di Sabah. Pelbagai helah digunakan untuk menjalankan kegiatan ini. Jalinan rangkaian perisikan telah diwujudkan dengan kapal-kapal laut Jepun. Para pegawai tinggi Jepun dihantar ke Borneo Utara dengan menyamar sebagai usahawan, pekerja atau pemodal. Tindak-tanduk perisikan ini semakin mendapat perhatian British selepas mereka menduduki Manchuria. Gerak-geri orang Jepun di Borneo Utara mencurigakan British. Pegawai-pegawai tinggi Jepun mula melawat Borneo Utara dengan lebih kerap menjelang tahun 1938. Jepun telah menggunakan perisikannya dalam semua sektor seperti peruncit, dobi, tukang gunting rambut, jurugambar, pemilik hotel, pelacur dan pengurus sebagai ejen mereka di Borneo Utara. Untuk mengatasi ini, British telah mengambil beberapa langkah antaranya ialah kegiatan propaganda dijalankan di semua tempat melalui akhbar dan instrumen lain. Akta tanah simpanan dan juga kawasan larangan telah diperkenalkan untuk menghalang Jepun membeli dan memilih tanah. Akta imigresen digunakan untuk menyekat kemasukan orang Jepun ke Borneo Utara. Akta senjata dan bahan letupan digunakan untuk mengawal senjata. British bersama sekutunya Amerika telah mengenakan sekatan ekonomi terhadap Jepun. Beberapa bahan mentah telah disekat dari dibeli oleh Jepun. Akibat sekatan, Jepun terasa ekonominya terancam dan telah melakukan serangan ke atas Asia Tenggara termasuk Borneo Utara. Kesimpulannya kemenangan Jepun yang cepat ini adalah hasil dari kegiatan risikan mereka yang berkesan.

## **ABSTRACT**

*This study elaborates on the activities of Japanese intelligence and counterintelligence measures-taken by the British in North Borneo before the outbreak of the World War II. The period of study is form the year 1884 until 1945. Due to the economic factors, the Japanese migrated to North Borneo and they later served to provide the much needed capital and manpower for the newly established BNBC. Nonetheless, the situation also presented the Japanese opportunity to carry out their espionage activities. The Japanese officers who migrated and worked for the British supplied valuable information regarding the British to the Japanese Government. Their intelligence network was massive enough to cover various economic sectors in North Borneo. Japanese agents worked under cover as shopkeeper, laundry man, barber, photographer, businessmen and even as prostitutes. The British finally took notice of the Japanese intelligence activities in North Borneo after Japan successfully invaded Manchuria. Consequently, the British undertook to overcome the problems by executing various counterintelligence measures. New regulations such as the Land Act and the Fire Arm and Explosion Act were introduced in the quest to curb Japanese intelligence activities. The British also carried out propaganda campaigns in the news paper and various other instruments. At the same time, British and its ally, America implemented economic embargo on Japan. Due to lack of raw materials, the Japanese began to experience economic slow down. In order to maintain the supply of raw materials and to fulfill their vision, Japan declared war on the allies. In the period of two months, the Japanese managed to capture the Whole South East Asia including the North Borneo. In sum, the Japanese activities have significantly contributed to the victory of Japan.*



## KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PEGESAHAN</b>	ii
<b>PENGAKUAN PENULIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii-viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SINGKATAN</b>	x
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	3
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Skop Kajian	5
1.4 Metodologi	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Sorotan Literatur	7
1.7 Pembahagian Bab	17
<b>BAB 2: SEJARAH KEWUJUDAN BORNEO UTARA</b>	
2.0 Pengenalan	18
2.1 Sejarah Awal Borneo Utara	18
2.2 Kawasan dan Wilayah Borneo Utara	20
2.3 Sejarah Penubuhan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British ( SBBUB )	21
2.4 Populasi Borneo Utara	26
2.5 Dasar Ekonomi Syarikat Berpiagam Borneo Utara British	28
2.6 Hubungan Awal Jepun dengan Borneo Utara dan Cara Imigran Jepun.	29
2.7 Rumusan	47
<b>Bab 3: AKTIVITI RISIKAN DAN PENGINTIPAN JEPUN DI BORNEO UTARA</b>	
3.0 Pemulihan Meiji	50
3.1 Faktor – faktor Jepun Meluaskan Tanah Jajahan	52
3.2 Oder Baru /Maju Ke Arah Selatan /Nanshin-ron	53
3.3 Pemodenan Angkatan Tentera Jepun	55
3.4 Kempei-Tai	58
3.5 Semangat Bushido	59
3.6 Kegiatan Risikan Jepun	60
3.7 Rumusan	80

## **BAB 4: TINDAK BALAS BRITISH TERHADAP PERISIKAN JEPUN**

4.0	Pengenalan	83
4.1	Kesangsian Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBU) dan British	84
4.2	Tindak Balas British	92
4.2.1	Penubuhan North Borneo Armed Constabulary dan Penubuhan North Borneo Volunteer Force	92
4.2.2	Larangan Pembelian Tanah Untuk Pertanian kepada Orang Jepun	94
4.2.3	Pewartaan Tanah dan Kawasan	95
4.2.4	Penutupan Pelabuhan Tawau	96
4.2.5	Propaganda British	96
4.2.6	Langkah Penahanan dan Larangan	103
4.2.7	Tindakan Imigresen	104
4.2.8	Pemindahan Orang Eropah dari Borneo Utara	111
4.2.9	Sekatan Ekonomi	112
4.2.10	Akta Senjata Api dan Bahan Letupan	120
4.3	Rumusan	121

## **BAB 5: SERANGAN JEPUN KE ATAS BORNEO UTARA**

5.0	Persiapan Perang Jepun	124
5.1	Kekuatan Tentera Jepun	126
5.2	Menjelang Perang Dunia Kedua	141
5.3	Serangan Ke Atas Borneo Utara	144
5.4	Rumusan	148

## **BAB 6: KESIMPULAN**


150

## **BIBLIOGRAFI**

160

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.4.1 Populasi Penduduk Borneo Utara Berdasarkan Komuniti dari tahun 1890-1931.	27
Jadual 2.6.1 Jumlah Orang Jepun di Borneo Utara pada tahun 1911	38
Jadual 2.6.2 Jumlah Orang Jepun dan Jenis Pekerjaan serta Pemilikan di Sandakan pada tahun 1915.	39
Jadual 2.6.3 Kos Perbelanjaan dan Tempoh ke Borneo Utara dari Jepun.	45
Jadual 4.2.7.1 Penyataan Jumlah Imigran Asing Yang Masuk dan Keluar dari Borneo Utara dari Tahun 1934-1938.	108
Jadual 5.2.1 Kekuatan Tentera Laut Jepun dan Berikat di Pasifik pada tahun 1941.	131



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SINGKATAN

SBBUB	<i>Syarikat Berpiagam Borneo Utara British</i>
SSA	<i>South Sea Association</i>
KSKK	<i>Kainan Sangyo Kabushiki Kaisha</i>
BFC	<i>Borneo Fishing Company</i>
TRE	<i>Tawau Rubber Estate</i>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Perang Dunia Pertama telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada negara-negara yang tewas dalam perang tersebut. Antaranya ialah negara Jepun di Asia dan Jerman di Eropah. Negara Jepun amat tertekan selepas Perang Dunia Pertama. Segala tindak tanduknya dikawal dan diperhatikan oleh kuasa-kuasa tentera yang lebih hebat terutamanya Amerika Syarikat dan Britain. Kegiatan ekonomi sentiasa diawasi dengan kawalan kemasukan bahan mentah dan barang keluaran Jepun. Perasaan benci dan cita-cita untuk membalas dendam tetap membara dalam hati Jepun dan masa yang mereka tunggu akhirnya sampai juga apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua. Perang ini telah menjadi pengukur kepada keupayaan Jepun dalam bidang ketenteraan.

Kebangkitan Jepun sebagai kuasa tentera dikaitkan dengan Konoé iaitu Perdana Menteri Jepun yang bersifat agresif dan bercita-cita besar. Tetapi dalam krisis pemerintahan dalaman pentadbiran Jepun, beliau telah digantikan oleh Perdana Menteri yang baru iaitu, Tojo. Perkembangan fahaman ketenteraan yang menular dalam kabinet Jepun telah menyemarakkan lagi cita-cita Jepun menjadi kuasa dunia. Golongan fahaman ketenteraan ini mahu Jepun maju dan dikenali di seluruh dunia. Orang Jepun yang sememangnya memang kuat pegangan mereka kepada tradisi samurai, yakin dengan kerajaan mereka. Semangat ini dikuatkan lagi dengan orang Jepun memang terkenal dengan sifat kepahlawanan mereka yang unggul. Jepun telah mula menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941. Sebelum itu mereka telah melakukan serangan mengejut yang hebat terhadap pengkalan armada Amerika di Pasifik iaitu Pearl Harbour pada 7 Disember 1941. Serangan ini bertujuan untuk melemahkan kekuatan tentera Amerika di rantau Pasifik dan tidak mahu Amerika membantu Britain apabila berlaku serangan Jepun di Asia Tenggara.

Sekiranya Amerika berjaya membantu British, pastinya rancangan Jepun untuk menyerang Asia Tenggara akan gagal atau ditangguhkan dan sudah pasti Jepun tidak mahu keadaan ini berlaku. Dalam jangkamasa dua bulan Jepun telah menguasai Tanah Melayu, Borneo dan Filipina. Kejayaan Jepun di Borneo dan Filipina dikaitkan dengan kehebatan perisikan Jepun yang bergiat cergas sebelum teretusnya Perang Dunia Kedua. Jepun menggunakan firma-firma perniagaan, syarikat, estet perladangan dan melakukan pelbagai jenis pekerjaan bagi menutup kegiatan mereka. Mereka membuka pejabat firma perladangan di beberapa kawasan di Tanah Melayu dan Borneo Utara. Jepun melantik pegawai-pegawai tentera sebagai pengurus dan pekerja firma-firma ini.<sup>1</sup> Pelantikan ini membolehkan mereka mendapatkan maklumat dengan cepat.

Kronologi serangan Jepun ke Tanah Melayu dan Borneo bermula dari 7 Disember 1941 di Kota Bharu sehingga 1 Januari 1942 di Borneo didahului dengan serangan oleh tentera Divisyen Selatan, Tengah dan Timur. Pada 16 Disember 1941, tentera Jepun telah mara ke Miri dan bulan Januari mereka berada di Jesselton dan Sandakan. Kawasan-kawasan ini telah di tawan dengan begitu cepat. Pangkalan pasukan tentera Jepun yang menyerang Borneo Utara ini ialah dari Vietnam.<sup>2</sup> Dalam gerakan ketenteraan dan perluasan kuasa melalui ketenteraan moden memerlukan satu rancangan dan pelan tindakan yang begitu rapi. Salah satu rancangan yang penting ialah risikan. Risikan amatlah penting demi pertahanan diri dan mengeksplotasikan kelemahan yang lain. Operasi risikan adalah satu proses dilakukan oleh sesebuah pihak kerajaan. Pasukan tentera atau yang lain mengumpul maklumat dan data secara sistematik dan menganalisis serta mengetahui kelemahan dan niat musuh mereka. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kejatuhan Tanah Melayu, Borneo dan Filipina ke tangan Jepun adalah disebabkan oleh kegagalan strategi risikan British dan Amerika. Kemenangan Jepun ini telah berjaya menghancurkan mitos 'Barat Tidak Dapat Dikalahkan'.

---

<sup>1</sup> Eric Robertson, *The Japanese File-Pre War Japanese Penetration In Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Henineman Edu Books, 1979, hlm. 128-129.

<sup>2</sup> Paul S. Dull, *A Battle of The Imperial Japanese Navy 1941-1945*, Cambridge: Petrah Stephens, 1978, hlm. 35-45.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Kegiatan perisikan dan pengintipan Jepun di Borneo terutamanya di Borneo Utara menarik dan tidak pernah diketengahkan. Namun apabila kita tinjau rangkaian perisikan mereka, ia meliputi hampir semua kawasan di Asia Tenggara termasuk Borneo Utara. Hanya tentang kegiatan perisikan di Singapura dan Tanah Melayu ditengahkan. Permasalahan pertama ialah bagaimana jaringan perisikan ini diwujudkan meliputi Borneo Utara dan seluruh Asia Tenggara oleh orang Jepun yang ada di hampir semua negara di Asia Tenggara. Oleh itu kehadiran perisik Jepun di Borneo Utara memang tidak boleh disangkal lagi dan akan dikupas dalam tesis ini. Hubungan antara perisik di Borneo utara dengan perisik di tempat-tempat lain dapat dilihat melalui jaringan kapal laut dan kapal nelayan Jepun yang sering beroperasi di Laut China Selatan. Perairan Laut China Selatan dikongsi bersama oleh beberapa negara seperti Tanah Melayu, Filipina, Indonesia dan Indochina.

Walaupun kedatangan imigran-imigran Jepun ke Borneo khususnya ke Borneo Utara adalah untuk kegiatan ekonomi tetapi kebanyakan mereka ditaja oleh kerajaan Jepun dan dapat dibuktikan dengan penglibatan pegawai tentera berpangkat yang menjadi orang penting dalam syarikat-syarikat perladangan dan perniagaan Jepun ini. Kemasukan imigran-imigran Jepun ini memang telah menimbulkan syak dan diperkukuh dengan pernyataan,

*In 1924 a Japanese trade mission under auspices of the South- East Asia but believed to be sponsored by the Japanese Foreign Office, visited North Borneo..... It was believed that there existed a secret internal and external Japanese courier service. <sup>(3)</sup>*

Kesimpulannya di sini ialah, terdapat kecurigaan terhadap imigran Jepun atau pengusaha atau pelabur Jepun yang datang ke Borneo Utara dengan tajaan oleh kerajaan Jepun sendiri. Mengapa keadaan menimbulkan syak kepada British?

---

<sup>3</sup>. Ooi Keat Gin, *1941-1945, Rising Sun Over Borneo- The Japanese Occupation Of Sarawak*, Mcmilan Press Ltd, 1999, hlm. 21.

Kenyataan tersebut mengesahkan bahawa wujudnya kegiatan perisikan dan pengintipan di Borneo terutamanya di Borneo Utara. Ini menarik perhatian penulis untuk meneliti samada wujudnya pegawai yang dibawah arahan Kementerian Luar Jepun dan kewujudan pergerakan rahsia di Borneo. Oleh itu adalah perlu bagi penulis untuk menghuraikan bagaimana perisik –perisik ini berfungsi sebagai mata dan telinga kepada kerajaan Jepun dalam usaha mengumpul maklumat penting mengenai ketenteraan British.

Permasalahan kedua ialah, apakah faktor-faktor yang menyebabkan pihak British ( *British Colonial Office*) begitu serius mengawal gerak geri orang Jepun di Borneo terutamanya di Tawau selepas 1930 –an iaitu selepas pencerobohan Jepun ke atas China dan Manchuria di Asia Timur. Perungkaian ini akan menjawab soalan adakah mereka itu semua dianggap sebagai “*these settlers as potential fifth-column elements and the forerunners of military penetration*”.<sup>4</sup>

Selepas kemaraan Jepun ke China dan Manchuria, pergerakan pengintipan Jepun telah dihidu oleh pihak British dan mereka mula menaruh syak wasangka terhadap kehadiran orang-orang Jepun yang dianggap bertopengkan kegiatan ekonomi. Dalam kegiatan perisikan era Perang Dunia Kedua, perisikan dan pengintipan Jepun di Borneo kurang diperkatakan oleh para sejarahwan yang mengkaji tentang Perang Dunia Kedua. Oleh itu kesempatan ini diambil untuk menghuraikan kegiatan risikan dan pengintipan Jepun dan juga membincangkan bagaimana British bertindak balas terhadap perisikan Jepun. Seterusnya, penulis akan meneliti apakah tindakan-tindakan susulan yang telah diambil oleh kerajaan British bagi memintas dan menghalang kegiatan perisikan Jepun. Adakah mereka ( British ) berjaya berbuat demikian ?

---

<sup>4</sup> Danny Wong Tze-Ken 'Anti-Japanese Activities in North Borneo Before World War Two, 1937-1941, *Journal of Southeast Asian Studies*, 32 (1),United kingdom: Februari 2001, hlm. 93-106.



## **1.2 Objektif Kajian**

Terdapat tiga objektif utama kajian ini dijalankan. Pertamanya adalah untuk mengkaji tentang kegiatan perisikan dan pengintipan Jepun yang dilakukan di Borneo Utara sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua. Objektif ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana dan dengan cara apa Jepun melakukan kegiatan mereka secara sistematik. Objektif kedua adalah untuk meneliti bagaimana pihak British telah bertindak balas untuk memintas dan menyekat kegiatan perisikan Jepun. Objektif yang ketiga adalah untuk mendedahkan bagaimana perisikan Jepun dapat mengatasi strategik keselamatan British di Borneo Utara khususnya.

## **1.3 Skop Kajian**

Skop kajian tesis ini tertumpu kepada Borneo Utara. Tempoh kajian ini berkisar dari tahun 1884 hingga tercetusnya Perang Dunia Kedua. Ini kerana kerancangan kemasukan imigran Jepun bermula dari tahun 1880-an dan kejayaan Jepun menakluki Borneo Utara pada tahun 1942.

## **1.4 Metodologi Kajian**

Kaedah yang digunakan ialah kaedah ke perpustakaan dengan merujuk bahan-bahan di perpustakaan dan arkib. Semua rujukan utama saya ialah fail-fail kolonial dan fail sekretariat. Penulis sangat bergantung sumber utama dari Arkib Negera dan Arkib Negari Sabah dalam menghasilkan tesis ini. Bahan-bahan disini kebanyakannya dalam bentuk mikrofilem dan memerlukan masa yang lama untuk meneliti fail-fail CO atau *Colonial Office Records*. Sumber kedua saya ialah merujuk kepada buku-buku, artikel dan internet. Bahan-bahan rujukan ini diperolehi dari perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan universiti IPTA yang lain. Sumber sampingan adalah seperti jurnal dan juga artikel-artikel tentang Jepun, British dan Amerika Syarikat. Pengumpulan maklumat dari segenap sudut dan penulis yakin akan dapat menghasilkan satu tesis yang baik dan menarik. Sumber-sumber yang diperolehi akan dinilai dan dianalisis untuk membuktikan kehebatan risikan yang menentukan kemenangan dan kekalahan dalam sesebuah peperangan.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kerana setakat ini tidak banyak penulis yang menerangkan secara khusus bagaimana sistem pengintipan dan perisikan Jepun berfungsi di Borneo terutamanya di Borneo Utara sebelum Perang Dunia Kedua. Ini memberikan satu gambaran yang jelas mengenai kejayaan sistem pengintipan dan perisikan Jepun dan bagaimana kerajaan British mengambil langkah untuk mengatasinya.

Di samping itu, penulis dapati ia satu skop kajian yang menarik dan perlu diketengahkan bagi mendapatkan gambaran jelas tentang sistem perisikan dan pengintipan khususnya bagaimana Jepun merancang untuk menghadapi dan mengisytiharkan perang. Para cendekiawan tentera Jepun menggunakan kebijaksanaan mereka untuk bersedia dalam jangka masa yang panjang bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka di samping mengatur strategi sebelum perang meletus.

Sebelum Perang Dunia Pertama, Jepun telah membuktikan kehebatan negaranya dalam mengalahkan kuasa besar seperti Russia pada tahun 1904. Kehebatan itu telah diteruskan oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Dalam memenangi perang yang besar, Jepun telah membuktikan bahawa kekuatan angkatan tentera bukannya penentu mutlak tetapi dibantu oleh persediaan awal seperti pengumpulan maklumat. Pengumpulan maklumat atau lebih tepat lagi, perisikan dan pengintipan amatlah penting dalam memenangi peperangan. Di samping itu juga kecekapan bertindak balas terhadap perisikan dan pengintipan juga perlu dititikberatkan.

Huraian tentang risikan dan pengintipan tentera Jepun yang telah menentukan kemenangan bagi Jepun di Borneo Utara diharap dapat memberikan gambaran jelas tentang perisikan di Borneo Utara. Kehebatan ini menyebabkan mereka dapat menakluki Asia Pasifik dengan begitu cepat dan pantas khususnya Borneo Utara.

## 1.6 Sorotan Literatur

Harry Howe Ransom dalam artikelnya, *Espionage Encyclopedia*, telah mengatakan bahawa perisikan pada awalnya adalah instrumen paling penting dalam bidang diplomasi atau strategi peperangan. Perisikan telah berlaku sejak dahulu lagi. Kira-kira 2500 tahun yang lalu, ahli falsafah perang China Sun Tzu dalam bukunya *The Art of War* menekankan tentang kepentingan perisikan dan pengintipan. Dalam bukunya ini beliau telah memberi arahan secara terperinci untuk mengatur strategi perisikan dan pengintipan yang merangkumi ejen dan pembelot.<sup>5</sup>

Harry Howe juga mengatakan bahawa Perang Dunia Kedua telah mempertingkatkan lagi kegiatan perisikan ini.<sup>6</sup> Beliau menyifatkan sesetengah pertempuran dalam Perang Dunia Kedua sebagai perang perisikan dan tindakbalas perisikan. Ini kerana kegiatan perisikan menjadi agenda khas sebelum sesebuah negara melakukan tindakan ketenteraan. Tentera cuba memperhebatkan risikan dan juga pengintipan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting terlebih dahulu. Seterusnya barulah tindakan ketenteraan diatur berdasarkan maklumat risikan. Risikan dan pengintipan boleh memberikan secara terperinci maklumat kekuatan dan kelemahan ketenteraan musuh.

Antony Best dalam bukunya *British Intelligence and the Japanese Challenge in Asia, 1914-1941*, menyatakan bahawa sumbangan risikan telah memainkan peranan penting dalam proses kemaraan Jepun dan seterusnya mencetuskan Perang Pasifik (Perang Dunia Kedua). Beliau berpendapat hasil risikan awal yang dilakukan oleh Jepun terhadap British dan sekutunya memang berbaloi dan sangat berkesan.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> Harry Howe Ransom, "Espionage", Microsoft@Encarta@Online Encyclopedia, <http://encarta.msn.com/text/Espionage.html>, dicetak 9 Oktober 2004.

<sup>6</sup> Ibid., hlm. 1-3.

<sup>7</sup> Antony Best, *British Intelligence and Japanese Challenge in Asia, 1914-1941*. London: Mcmillan Press, 1982, hlm. 25.

Kusnanto Anggoro dalam artikelnya *The Role of Intelligence and Counterinsurgency* mengatakan kegiatan perisikan telah wujud dalam zaman awal Mesir seperti yang diperkatakan dalam epik Iliad dan juga dalam Kitab Injil. Beliau menambah, Frederick II dari Prusia dianggap sebagai perintis kepada perisikan ketenteraan moden. Kaedah-kaedah perisikan moden telah diaplikasikan dalam peperangan moden yang melibatkan kuasa-kuasa besar dunia seperti Jerman, Amerika Syarikat, British, Perancis dan juga Jepun.<sup>8</sup>

Kuasa-kuasa besar mempunyai unit risikan dan bergantung harap kepadanya. Ini termasuk tentera Jepun yang mengungguli cabang risikan ketika perluasan kuasanya ke Asia Tenggara amnya, Borneo khususnya. Pada tahun 1891, Konsul Jepun ke Britain telah menulis laporan kepada kerajaanya tentang rancangan migrasi Jepun dan kejayaan mereka dalam mewujudkan satu koloni. Beliau menulis jika beberapa ribu imigran Jepun berhijrah ke Borneo Utara untuk tujuan pertanian, pastinya perkampungan Jepun akan wujud dan seterusnya akan menarik para saudagar untuk membentuk satu bandar.<sup>9</sup> Teori pewujudan koloni Jepun ini disokong oleh *Shokumin Kyokai* (Persatuan Kolonisasi) yang dipimpin oleh bekas Menteri Luar Jepun, Enomoto Takeaki. Beliau memimpin para aristokrat, usahawan, ahli politik dan yang pentingnya para perisik. Ini menunjukkan bahawa kewujudan koloni Jepun di Borneo Utara memberi ruang untuk para perisik. Pada tahun 1937 hingga 1941, skim penempatan khas dilaksanakan oleh *Nissan Agricultural and Forestry Manufacturing Co.Ltd* dibawah pengendalian rahsia oleh *Ministry of Colonization (MC) Jepun*.<sup>10</sup> Jepun juga tidak kurang hebatnya dalam perisikan dan pengintipan terutamanya dalam era Perang Dunia Kedua. Kehebatan perisikan akan memberikan kemenangan moral kepada tentera kerana mereka mempunyai kelebihan dan mengetahui tentang tempat yang akan dituju terlebih dahulu.

---

<sup>8</sup>. Kusnanto Anggoro, *The Role Of Intelligence and Couterintelligence*, dalam TheJakarta Post 28 May 2003, [http://www.xs4all.nl/endi/Contra intel280503, htm](http://www.xs4all.nl/endi/Contra%20intel280503.htm). dicetak 9 Oktober 2004.

<sup>9</sup>. C.O 874/ 874 -Japanese Penetration.

<sup>10</sup> Ibid.

Tunjang kepada penulisan ini ialah buku *The Japanese Files* oleh Eric Robertson. Dalam buku ini dihuraikan dengan terperinci bagaimana pergerakan perisikan mula bertapak di Tanah Melayu dan sekitar Kepulauan Borneo dan bagaimana mereka mula masuk ke Tanah Melayu dan negara sekitarnya. Beliau menegaskan Jepun memang telah bersedia untuk menakluki Asia Tenggara. Beliau menerangkan tentang kepentingan industri perikanan kepada perisikan Jepun. Dalam penjelasan tersebut dinyatakan sedikit sebanyak tentang syarikat perikanan Jepun di Borneo Utara iaitu *Borneo Fishing Company* dikatakan menjadi nadi pengumpulan dan penghantaran hasil risikan ke Jepun. Namun ia tidak dihuraikan dengan panjang lebar.<sup>11</sup>

Di samping itu disentuh juga mengenai sektor perladangan yang menjadi tumpuan utama para pelabur Jepun yang kebanyakannya pegawai tentera Jepun. Contohnya Fusanosuke Kuhara yang merupakan pegawai Jepun dan sahabat baik kepada Menteri Perang Jepun. Kuhara terlibat dengan pemilikan tanah pertanian di Dungun, Terengganu dan juga memiliki tanah pertanian di Borneo Utara. Beliau merupakan pelabur yang menjalankan kegiatan perisikan di Tanah Melayu. Aktiviti tentang pergerakan beliau di Borneo Utara kurang dijelaskan. Tetapi dijelaskan sedikit tentang Kiyohiko Samejima, seorang pembantu estet getah milik *Nippo Sangyo Gomu* di Tawau. Beliau telah melawat Jeneral Konsul Jepun di Singapura dan menyampaikan maklumat tentang kawasan pedalaman Borneo Utara tetapi tidak dinyatakan secara terperinci tentang kegiatan perisikan yang lain di Borneo Utara. Dalam buku ini dihuraikan bagaimana para pegawai Jepun datang ke Tanah Melayu. Walaupun dalam buku ini dinyatakan tentang jaringan perisikan Jepun meliputi Borneo Utara dan mempunyai jaringan yang teratur di antara Tanah Melayu, Singapura dan Borneo tetapi tidak dinyatakan secara terperinci. Tetapi dalam buku ini tidak dinyatakan dengan jelas mengapa British mula merasa sangsi terhadap aktiviti Jepun di Borneo Utara. Begitu juga beliau tidak menyentuh tentang langkah yang di ambil oleh British bagi mengekang aktiviti risikan Jepun.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Eric Robertson, *The Japanese File-Pre War Japanese Penetration In Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Heinemann Edu Books, 1979, hlm. 128-129.

<sup>12</sup> Ibid.

Dalam surat-surat CO ada juga dinyatakan kegiatan perisikan Jepun dan kebimbangan British terhadap aktiviti Jepun. Pejabat Tanah Jajahan British begitu serius dalam mengawal gerak geri Jepun di Borneo khususnya di Sabah. Sebagai contoh, Pegawai Pemerintah Tentera Negeri-Negeri Selat, Major General Dudley Ridout telah menghantar satu surat sulit bersiri *C.R.S.S. No. 12522 (G)* kepada Gabenor British Borneo Utara di Jesselton tentang penangkapan seorang pegawai Jepun dari Borneo Utara yang ditangkap disyaki perisik iaitu Mr. F.Goto. Beliau mengaku beliau ialah pegawai perhutanan di Borneo Utara. Dalam surat itu Dudley mengatakan apa yang dibuat oleh Mr Goto merupakan satu contoh sistem pengintipan Jepun.<sup>13</sup> Dalam surat-surat CO seperti CO 874 kurang dinyatakan tentang perisikan Jepun di Borneo Utara.

Di samping itu, para cendekiawan tentera Jepun telah menyatakan bahawa, Borneo dianggap sebagai nilai ekonomi penting dan tempat strategik. Para pemimpin Jepun merasakan mereka perlu memperkukuhkan ekonomi Jepun dengan mencari sumber hasil.<sup>14</sup> Keinginan Jepun untuk menawan Asia Tenggara akibat dasar imperialisme sejak kurun ke-19. Jepun dikatakan telah memulakan gerakan untuk menguasai Asia Tenggara sebagai *Nanshin* atau maksudnya *Gerakan ke Arah Selatan*. Mohd. Isa Othman dalam bukunya *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu (tumpuan di Negeri Kedah)*, telah mengatakan bahawa Jepun telah menubuhkan Suruhanjaya Laut Selatan di bawah Kementerian Luarnya pada tahun 1936 bagi mencapai tujuan ini. Antara operasi Suruhanjaya ini ialah menghantar para pegawai Jepun secara rahsia ke tempat secara migrasi yang dipercayai mempunyai sumber bahan mentah yang boleh menjana ekonomi Jepun dan juga mengumpul maklumat tentang kedudukan tentera British dan sekutunya. Tetapi beliau tidak menyentuh tentang migrasi orang Jepun ke Borneo Utara.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Surat rahsia bernombor 12522 dari Dudley Ridout Kepada Gabenor SBBU, CO 874/1102 *Relation With Japan*.

<sup>14</sup> Ooi Keat Gin, *1941-1945 Japanese Empire In Tropics- Selected Documents Of The Japanese Period In Sarawak Northwest Borneo*, Athens: Ohio University Press, 1998. hlm. 5.

<sup>15</sup> Mohamed Isa Othman.1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 2-5.

Tindakan Jepun ini juga berkaitan dengan impian Jepun untuk memusnahkan penjajahan di Asia Tenggara dan meletakkan Asia Tenggara dalam *Greater Asia Co-Prosperity Sphere*. Dalam mengejar impian ini tentera laut Jepun telah mengariskan beberapa langkah yang perlu diambil untuk mencapai impian tersebut. Antaranya ialah untuk membangunkan kegiatan perikanan secara besar-besaran, untuk mengembangkan laluan udara di Selatan dengan segera dan membangunkan kawasan yang belum dibangunkan seperti New Guinea dan Borneo.<sup>16</sup> Tindakan ini bertujuan untuk membekalkan maklumat dan juga sumber kepada Jepun dalam persiapan untuk perang terutamanya di China.

Untuk mengukuhkan lagi keinginan untuk menakluki kawasan Asia, Maharaja Hirohito telah menubuhkan polis rahsia Jepun, *Kempei Tai* pada tahun 1936 dan telah mengarahkan Leftenan Jeneral Nakjima Kesago untuk mengetuai *Kempei Tai*. Dikatakan terdapat 70,000 ejen *Kempei Tai* yang bergerak aktif dan memberikan maklumat kepada tentera Jepun. Ejen-ejen ini terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kegiatan. Jepun berjaya mewujudkan jalinan pengintipan dan perisikan yang berjaya di rantau ini. Mereka mempunyai semangat yang kental dan penuh taat setia kepada *The Emperor*.<sup>17</sup>

Sebelum perang, Jepun telah menjalankan aktiviti risikan di Borneo. Aktiviti-aktiviti telah dilakukan oleh cabang risikan Jepun yang dikenali sebagai *Dora Nowa* (Jabatan Penyelidikan Tentera) dan *F. Kikan*. Unit *Dora Nowa* ini telah diketuai oleh Tsuji Masanobu dan *F.Kikan* pula diketuai oleh Fujiwara Iwachi. Selain unit-unit ini, banyak lagi cara yang digunakan oleh Jepun bagi kegiatan perisikan. Jepun telah menggunakan para nelayan, petani, pekedai, dan sebagainya tetapi kebanyakan yang menyamar ialah para pegawai Jepun.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> Nicholas Tarling. *The Fall of Imperial Britain in Southeast Asia*, New York: Oxford University Press, 1993, hlm. 1-10.

<sup>17</sup> Kemp Tai- (1936-1945) *Japanese Secret Police*, Espionage-Agency, [http://www.angelfire.com/dc/1spy/Kempei\\_Tai.html](http://www.angelfire.com/dc/1spy/Kempei_Tai.html),9 dicetak 09 Oktober 2004.

<sup>18</sup> Mohamed Isa Othman. *Penduduk Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 4.

Oleh kerana Jepun ingin membangun selepas Perang Dunia Pertama, mereka menumpukan perhatian kepada peningkatan ekonomi. Ekonomi menjadi nadi pembangunan Jepun dan untuk menjalankan kegiatan ekonomi mereka perlukan sumber bahan mentah yang banyak. Selepas Perang Dunia Pertama Amerika dengan British telah memberi perhatian terhadap kegiatan pembangunan Jepun kerana khuatir Jepun akan bangun sebagai kuasa tentera. Asia Tenggara memang kaya dengan sumber bahan mentah dan bahan pembakar, petroleum. Borneo ketika itu sudah mempunyai telaga-telaga minyak yang penting. Jepun mengintai sumber-sumber ini, dengan harapan satu hari akan menguasai sumber ini kelak. Minat telah wujud pada tahun 1930-an lagi.<sup>19</sup> Oleh yang demikian ejen-ejen Jepun menjurus kepada kegiatan ekonomi bagi mengaburi motif sebenar luaran supaya tidak timbul syak-wasangka.

Dalam artikel Sabihah Osman yang bertajuk *Japanese Economic Activities in Sabah from 1890's until 1941*, juga menyatakan bahawa wujud jaringan perisikan di Borneo Utara dan Jepun menggunakan pelbagai taktik dalam usahanya mendapatkan maklumat. Antara taktik yang digunakan ialah menyamar sebagai nelayan. Pada tahun 1930, terdapat firma perikanan yang dinamakan Borneo Fishing Company yang beribu pejabat di Tawau. Syarikat ini dikatakan mempunyai hubungan dengan perisikan dan menjadi tempat menghantar maklumat risikan kepada kerajaan Jepun. Pihak Jepun juga mempunyai ladang dan juga estet di Tawau. Jepun telah menggunakan pemilik-pemilik ladang dan estet sebagai ejen untuk mengumpul maklumat-maklumat tentang ketenteraan dan tempat-tempat strategik British kepada pihak perancang ketenteraan di Jepun. Syarikat *Nippon Sangyo Gomu K.K.* telah dikatakan sebagai pusat aktiviti risikan dan pengintipan pihak Jepun. Ini kerana pemiliknya dikaitkan ada hubungan dengan tentera Jepun. Beliau juga menyentuh sedikit tentang kebimbangan British terhadap aktiviti yang dilakukan oleh Jepun di Borneo Utara dan juga langkah-langkah yang diambil untuk mengekang mereka. Namun huraian beliau amat ringkas.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Stephens R. Evans, *Sabah Under Rising Sun Government*, Singapura: Tropical Press, 1991, hlm. 8.

<sup>20</sup> Sabihah Osman, *Japanese Economic Activities in Sabah From the 1980's until 1941*, *Journal of Southeast Asian Studies* 29, 1 March, 1998, hlm. 22-43.